



BAHAGIAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KESENIAN

Sports, Co-curricular and Arts Division

KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA

Ministry of Education Malaysia

Aras 1, 2 & 7, Blok E13, Kompleks E
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62604 PUTRAJAYA
MALAYSIA

Telefon : +603 8884 1001 / +603 8884 1002

Faks : +603 8884 1034 / +603 8888 6790

Laman Web : www.moe.gov.my

Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : KPM.600-4/1/1 Jld.4(16)

Tarikh : 31 Julai 2025

Puan Lim Kwee Leng
Pusat Tuisyen Superkids (WZ 20318)
No: 43-2, Jalan 46A/26
Taman Sri Rampai, Setapak
53300 Kuala Lumpur

Puan,

**PENGIKTIRAFAN MARKAH KOKURIKULUM PELIBATAN MURID BAGI
GENTING ABACUS MENTAL ARITHMETIC COMPETITION 2025 ANJURAN I'M
SUPERMAN DAN THE CHINESE ABACUS & MENTAL ARITHMETIC
ASSOCIATION (AMAA)**

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk dan surat daripada pihak puan adalah berkaitan.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan (KPM) mengucapkan tahniah atas usaha pihak **I'm Superman dan The Chinese Abacus & Mental Arithmetic Association (AMAA)** telah memberi peluang kepada murid meningkatkan potensi diri serta menaikkan nama sekolah melalui **Genting Abacus Mental Arithmetic Competition 2025** pada **28 Jun 2025**.

3. Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian (BSKK) telah menerima serta meneliti laporan pelibatan murid bagi program yang dianjurkan. Sehubungan dengan itu, pengiktirafan pemarkahan yang diberikan ialah **Pelibatan II Peringkat Antarabangsa** bagi penyertaan murid dan **Pencapaian Peringkat Antarabangsa** kepada peserta yang mendapat tempat dalam pertandingan ini. Markah ini diambil kira dalam pemarkahan pelibatan kokurikulum dalam Pentaksiran Aktiviti Jasmani, Sukan dan Kokurikulum (PAJSK). Bagi tujuan pemarkahan, pihak sekolah perlu merujuk kepada jadual penilaian markah PAJSK yang telah ditetapkan seperti di lampiran.

4. Sehubungan dengan itu, pihak penganjur dimohon untuk memanjangkan salinan surat pengiktirafan program berserta senarai nama murid yang terlibat kepada jabatan pendidikan negeri serta sekolah yang disertai oleh murid dalam program berkenaan.

5. Sekian untuk makluman dan tindakan pihak puan Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, pihak puan boleh menghubungi **Dr. Mohd Azly bin Zakaria** di talian **03-88841017** atau e-mel **azly.zakaria@moe.gov.my**.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(ITHNIN BIN MAHADI)

Pengarah

Bahagian Sukan, Kokurikulum dan Kesenian

Kementerian Pendidikan

MAZ/PengiktirafanProgram/MyDoc2025

**PENERANGAN PENYELARASAN PENGIKTIRAFAN PEMARKAHAN PELIBATAN
DAN PENCAPAIAN KOKURIKULUM MURID DALAM PENILAIAN PENTAKSIRAN
AKTIVITI JASMANI, SUKAN DAN KOKURIKULUM (PAJSK)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

JENIS PELIBATAN

JENIS	TAFSIRAN
PELIBATAN I	i. Program pertandingan/kejohanan/perkhemahan/ kursus secara bersemuka dan mempunyai pemeringkatan. ii. Program pertandingan/kejohanan/perkhemahan/ kursus secara dalam talian dan mempunyai pemeringkatan serta interaksi secara langsung.
PELIBATAN II	i. Program pertandingan/kejohanan/perkhemahan/kursus/ karnival secara bersemuka atau dalam talian dan tiada pemeringkatan. ii. Jawatankuasa pelaksana, petugas teknikal dan persembahan selingan. iii. Peserta lawatan luar negara
PELIBATAN III	i. Peserta program dalam talian yang bersifat pertandingan atau bukan pertandingan seperti program/ aktiviti yang tiada interaksi peserta secara langsung. ii. Pelibatan murid sebagai penyokong atau penonton

SKOR PELIBATAN

PERINGKAT	SKOR		
	Pelibatan I	Pelibatan II	Pelibatan III
Antarabangsa	20	15	10
Kebangsaan	17	12	8
Negeri	14	10	6
Bahagian (Sabah/ Sarawak)	12	9	5
Zon/Daerah	11	8	4

SKOR PENCAPAIAN

ELEMEN	PERKARA	SKOR				
TAHAP PENCAPAIAN	PERINGKAT	Johan	Naib Johan	Ketiga	Keempat	Kelima
	Antarabangsa	20	19	18	17	16
	Kebangsaan	17	16	15	14	13
	Negeri	14	13	12	11	10
	Daerah	11	10	9	8	7
	Sekolah	8	7	6	5	4